

PICK lepassi 300,000 dos vaksin sehari

UM 7/7/2021 mlk: 3

PETALING JAYA: Kerajaan optimis segala usaha perancangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) berada di landasan tepat selepas melihat kejayaan perjalanan vaksinasi di seluruh negara.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, semalam negara mencapai sasaran vaksinasi dengan 313,761 dos sehari dan sehingga kini sebanyak 6.58 juta rakyat menerima suntikan dos pertama manakala 2.73 juta orang telah lengkap dua dos suntikan.

“Melihat kepada pencapaian ini, kerajaan optimis bahawa segala usaha dirancang berada di landasan yang tepat, Insya Allah.

“Terima kasih kepada Yang Berhormat Khairy Jamaluddin (Menteri Penyelaras PICK) dan Yang Berhormat Datuk Seri Dr.

Adham Baba (Menteri Kesihatan), semua petugas barisan hadapan, sukarelawan serta seluruh rakyat yang telah bersama menjayakan program vaksinasi terbesar negara.

“Terima kasih, lindungi diri, lindungi semua,” kata beliau menerusi video di Facebook Perdana Menteri samalam.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, pada 15 Jun lalu kerajaan mengumumkan Pelan Pemulihan Negara dengan menyasarkan kadar peningkatan vaksinasi kepada lebih 300,000 sehari selepas Jun.

Kerajaan kemudian mengumumkan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) dengan fokus ketiganya ialah mempercepatkan program vaksinasi sebanyak mungkin populasi penduduk negara ini.

